

PM lancar Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, usaha pulihara alam semula jadi

# Panduan biodiversiti jangka panjang

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

**KUALA LUMPUR** – Datuk Seri Najib Tun Razak semalam melancarkan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan yang disemak semula sebagai panduan bagi pengurusan biodiversiti untuk tempoh 10 tahun akan datang bermula tahun 2016.

Menurut Perdana Menteri, dasar itu memberi penekanan tentang kepentingan meneruskan usaha pemuliharaan, penggunaan secara mapan dan perkongsian manfaat daripada biodiversiti secara adil dan saksama.

“Dasar baharu yang telah disemak semula itu mempunyai fokus yang lebih baik dan jelas berbanding dasar sebelum ini dengan mengambil pendekatan terkini selaras dengan keadaan Malaysia yang memiliki kekayaan dari segi khazanah biodiversiti.

“Semakan itu akan melengkapkan Malaysia di bawah Konvensyen Kepelbagaian Bio Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi melaksanakan matlamat



NAJIB (depan, tiga dari kiri) dan Wan Junaidi (depan, dua dari kiri) melancarkan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur semalam.


pembangunan lestari,” katanya ketika berucap merasmikan Sidang Plenari Keempat Badan Penasihat Mengenai Kepelbagaian Bio dan Perkhidmatan Ekosistem (IPBES) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini semalam.

Turut hadir Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku

Jaafar.

Jelas Najib, dasar itu juga mempunyai sasaran jelas, malah, tindakan serta waktu pelaksanaan yang aktif apabila disertai pelbagai pihak berkepentingan termasuk pertubuhan bukan kerajaan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Sementara itu, pada sebelah petang, Najib meninjau operasi



PERDANA MENTERI (depan), Hishammuddin (dua dari kiri), Zulkifeli (kiri) dan Khalid (kanan) meninjau operasi rondaan bersama PDRM dan ATM di pusat beli-belah Pavilion, Kuala Lumpur semalam.

rondaan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menjaga keselamatan awam di sekitar ibu negara.

Beliau ditemani Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar dan Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin.

Beliau singgah di pusat membeli-belah Pavilion di sini dan meluangkan masa kira-kira 45 minit untuk melihat operasi rondaan di situ.

Sementara itu, Khalid berkhata, PDRM dan ATM bersetuju untuk meneruskan rondaan selama 24 jam sehari di sekitar kawasan tumpuan orang ramai di Kuala Lumpur.